

**TEKS UCAPAN YBHG PROFESOR DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN,  
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA,  
SEMPENA MAJLIS UTeM BERSAMA MEDIA PADA 10 FEBRUARI 2009  
BERTEMPAT DI HOTEL SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR.**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATO' AHMAD SHABERY BIN CHEEK  
MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

YB DATO' SERI MOHD KHALED BIN NORDIN  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y.BHG TAN SRI DATUK DR JOHARI BIN MAT  
PRO CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Y. BHG DATO' DR MOHD TAIB BIN HASHIM  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

YBHG PUAN NORILA BT. DAUD  
PRESIDEN KESATUAN WARTAWAN MALAYSIA  
YBHG DATO' PROF MOHD NOR BIN HUSAIN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROFESOR MADYA DR ABU BAKAR BIN MUHAMAD  
DIAH  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG DIRAIKAN  
AHLI-AHLI MEDIA MASSA DAN PARA WARTAWAN

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TETAMU-TETAMU JEMPUTAN,

SERTA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

ALHAMDULILLAH SAYA AMAT BERSYUKUR KE HADIRAT ALLAH SWT KERANA TELAH MEMBERI KEIZINAN KEPADA KITA UNTUK SAMA-SAMA MENJAYAKAN MAJLIS UTeM BERSAMA MEDIA PADA MALAM INI. BAGI PIHAK UNIVERSITI, SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SUDI HADIR PADA MAJLIS INI.

MAJLIS PADA MALAM INI DIADAKAN KHUSUS UNTUK PIHAK MEDIA MASSA YANG TERDIRI DARIPADA MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK SEBAGAI TANDA TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN KAMI YANG TIDAK TERHINGGA TERHADAP SOKONGAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH SAUDARA-SAUDARI SELAMA INI.

SEJAK DARI AWAL PENUBUHAN UTeM PADA 01 DISEMBER 2000, YANG PADA KETIKA ITU DIKENALI SEBAGAI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM), PIHAK MEDIA SENTIASA MEMBERIKAN KERJASAMA YANG BAIK DALAM MEMBUAT LIPUTAN SAMA ADA DI AKHBAR, RADIO MAHUPUN TELEVISYEN MENGENAI UTeM .

KINI SETELAH LEBIH 8 TAHUN BEROPERASI, UTeM MASIH MEMERLUKAN SOKONGAN DARIPADA PIHAK MEDIA UNTUK TERUS MENYEBAR LUASKAN BERITA MENGENAI UTeM. PADA SETIAP MAJLIS YANG DIANJURKAN OLEH UTeM, KEHADIRAN PIHAK MEDIA SENTIASA KAMI ALU-ALUKAN DENGAN TUJUAN SUPAYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MENDAPAT BAHAN BERITA UNTUK DISEBARKAN KEPADA MASYARAKAT UMUM.

SEHINGGA KINI KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK MEDIA AMATLAH BAIK. PIHAK MEDIA SENTIASA MEMENUHI UNDANGAN DARIPADA UTeM TERUTAMANYA DALAM MEMBUAT LIPUTAN YANG MELIBATKAN MAJLIS-MAJLIS UTAMA UNIVERSITI SEPERTI MAJLIS KONVOKESYEN, MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU), PERASMIAN SEMINAR, SIDANG AKHBAR DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA PERCAYA BAHAWA SELAMA INI UTeM DAN PIHAK MEDIA MEMPUNYAI IKATAN YANG AMAT ERAT, DAN SAYA YAKIN HUBUNGAN INI DAPAT DIPERTINGKATKAN DARI MASA KE SEMASA.

UTeM AMAT MEMERLUKAN KERJASAMA DARI PIHAK MEDIA UNTUK MENYEBARLUASKAN BERITA BERKAITAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI SEPERTI AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR, PENCAPAIAN DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D), PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN PENCAPAIAN STAF YANG PADA PANDANGAN SAYA AMAT BERGUNA UNTUK MANFAAT AWAM.

UNTUK ITU JUGA SAYA AMAT BERHARAP AGAR BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT (BPAK) YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENYAMPAIAN DAN PENYALURAN MAKLUMAT KEPADA PIHAK MEDIA DAPAT BERTINDAK DENGAN LEBIH AKTIF DAN CEKAP DALAM MENYAMPAIKAN BERITA-BERITA YANG DIPERLUKAN OLEH PIHAK MEDIA.

BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT INI TERCAPAI INFORMASI-INFORMASI TERKINI UNIVERSITI MELALUI LAMAN WEB UTeM PERLU SENTIASA DIKEMASKINI SUPAYA PIHAK MEDIA DAN MASYARAKAT UMUM DAPAT MENGETAHUI PERKEMBANGAN UTeM DENGAN LEBIH PANTAS.

KENYATAAN-KENYATAAN AKHBAR UNTUK APA JUGA PROGRAM DAN AKTIVITI PERLU DISEDIAKAN SEGERA UNTUK PENGETAHUAN MEDIA SUPAYA MEREKA DAPAT MENERIMA MAKLUMAT INI SECARA TERUS DARI PIHAK UNIVERSITI .

WALAU BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA PIHAK MEDIA MEMPUNYAI KESULITAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI UTeM, SAYA SECARA PERIBADI TIDAK MEMPUNYAI HALANGAN SEKIRANYA PIHAK MEDIA DAPAT TERUS MENGHUBUNGI SAYA BERTANYA SESUATU ISU YANG BERKAITAN. DENGAN ITU PARA MEDIA BOLEH MENDAPAT MAKLUMAT YANG LEBIH TELUS DAN JELAS.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MAJLIS PADA MALAM INI JUGA DIHADIRI OLEH PENGURUSAN UTAMA UNIVERSITI TERMASUKLAH YBHG TAN SRI DATUK DR JOHARI BIN MAT (PRO CANSOLOR), Y. BHG DATO' DR MOHD TAIB BIN HASHIM (PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI), DATO' PROF DR MOHD NOR BIN HUSAIN (TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA), YBHG DATUK PROFESOR MADYA DR ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH (TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN

DAN INOVASI), YBHG PROFESOR DR ZOLKEPLI BIN BUANG (DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI), ENCIK HASAN BIN SIRUN (PENDAFTAR) DAN EN ZAINUDIN BIN AHMAD (PENGARAH BPAK)

TURUT HADIR PADA MAJLIS PADA MALAM INI IALAH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI SEPERTI DEKAN-DEKAN FAKULTI DAN PENGARAH-PENGARAH PUSAT TANGGUNGJAWAB. UNTUK ITU SAYA AMAT BERHARAP AGAR MAJLIS INI DAPAT MENDEKATKAN PIHAK UNIVERSITI DENGAN PIHAK MEDIA UNTUK KITA SALING KENAL MENGENALI DALAM MAJLIS YANG SEDERHANA INI TETAPI MUHIBAH.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA TIDAK BECADANG UNTUK BERUCAP LEBIH PANJANG KERANA TUJUAN MAJLIS PADA MALAM INI IALAH SUPAYA KITA DAPAT SAMA-SAMA BERINTERAKSI DENGAN LEBIH AKRAB DALAM SAUASANA YANG LEBIH SANTAI. SEHUBUNGAN ITU SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN BERTANYAK TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN DAN BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PIHAK MEDIA SELAMA INI.

SAYA AKHIRI MAJLIS INI DENGAN DUA RANGKAP PANTUN DARIPADA SAYA UNTUK SEMUA

UTeM CEMERLANG HARAPAN KITA  
HASRAT INGIN KE PERSADA DUNIA  
MEDIA SENTIASA SEIRING BERSAMA  
PASTINYA UTeM TIDAK DILUPA

MEDIA MASSA PUNYA PERANAN  
BERITA DISEBAR SELURUH NEGARA  
MAJLIS BERSAMA MEDIA KUKUH IKATAN  
HARAP JADI BERITA UTAMA

SEKIAN TERIMA KASIH  
WABILLAH TAUFIK, WAL HIDAYAH, ASM WRT WBT